

MAKLUMAT TENDER



Tender ini dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera tempatan (T1) yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri (CIDB)/ Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja sebagaimana berikut:

i) Kenyataan Tender

Pejabat yang memanggil Tawaran	Tajuk Projek	Gred, Kategori dan Pengkhususan	Ketetapan Taklimat Tender dan Lawatan Tapak	Tempat dan Tarikh Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen dan Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh dan Waktu Tender Tutup
Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah (PPKBES), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)	No. Tender : MESTECC.KEW.S.400-10/3/TK/2-2018 Projek Penghantaran: 132/33/11kV PMU Bukit Nenas, Sandakan, Sabah	1. Taraf Bumiputera / T1; dan 2. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB); dan 3. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) Kategori : ME Gred : G7 Pengkhususan : E23 & E25 Serta Kategori : B Gred : G7 Pengkhususan : CE21	Tarikh: 18 Februari 2020 (Selasa) Waktu: Pendaftaran: 9.00 – 10.00 pagi Taklimat: 10:00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB), Jalan Batu Sapi, 90000, Sandakan, Sabah	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) Kaunter Tender dan Sebut Harga Bahagian Kewangan, Aras 7, Blok C4, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62662 Putrajaya Tarikh Jual Tender: 28 Februari 2020 (Jumaat) Hingga 13 Mac 2020 (Jumaat)	Harga Dokumen Tender: RM250.00 Dibayar dalam bentuk Wang Pos/ Kiriman Wang (Money Order)/ Bank Draf yang tidak akan dikembalikan di atas nama Ketua Setiausaha, MESTECC	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) Kaunter Tender dan Sebut Harga, Bahagian Kewangan, Aras 7, Blok C4, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62662 Putrajaya Tarikh Tutup Tender: 23 Mac 2020 (Isnin) Waktu Tutup: 12.00 tengahari

ii) Dokumen Meja Tender boleh disemak di Pejabat MESTECC seperti dinyatakan di atas selepas tarikh lawatan tapak.

iii) Lawatan tapak :

Hanya penama di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera, Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK) dan hanya penama di Sijil Aduan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat tender (**Petender yang hadir taklimat dipohon membawa topi dan kasut keselamatan semasa lawatan tapak**). Kontraktor/ syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam SPKK dan PPK untuk menghadiri lawatan tapak. Sijil Pendaftaran Asal dan Salinan beserta Cop Syarikat hendaklah dibawa bersama semasa menghadiri lawatan tapak.

iv) Bagi kontraktor/ syarikat yang tidak mempunyai modal dan pengalaman seperti yang ditetapkan, dibolehkan menyertai tender secara usahasama dengan syarat setiap syarikat dalam usahasama hendaklah mempunyai sijil SPKK dalam kategori dan pengkhususan di bawah tajuk dan tajuk kecil yang ditetapkan mengikut nilai tender.

v) Bagi kontraktor/ syarikat yang tidak mempunyai syarat pendaftaran yang ditetapkan, syarikat boleh memohon Kebenaran Khas untuk menambah kategori/ tajuk kecil daripada agensi berkenaan untuk turut serta di dalam tender ini. **Hanya kontraktor yang telah mendapat kebenaran khas daripada agensi berkaitan sahaja yang boleh membeli dokumen tender.**

vi) Dokumen Tender tidak akan dijual kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil-sijil tersebut dan tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak yang ditetapkan. Bagi pembelian dokumen tender wakil syarikat adalah dibenarkan dengan syarat hendaklah mengemukakan Surat Wakil yang ditandatangani oleh penama semasa membeli dokumen tender.

vii) Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi kementerian di www.mestecc.gov.my atau Laman Web CIDB (www.tender.gov.my) atau MyProcurement.